

SEJARAH PERSAINGAN DAN KONFLIK ETNIK DI SRI LANKA DENGAN PERHATIAN KEPADA GERAKAN PEMISAHAN TAMIL

Azharudin Mohamed Dali

Pengenalan

Sri Lanka merupakan salah sebuah negara yang terletak di rantau Asia Selatan. Kedudukannya di penghujung Benua Kecil India yang dikelilingi oleh Lautan Hindi telah menimbulkan panorama pantai yang cantik menyebabkan ia menjadi tarikan pelancong. Selain itu, pelancong yang datang ke Sri Lanka kerana ia mempunyai signifikasi keagamaan seperti kewujudan 'Adam's Peak'.¹ Dalam masa yang sama, kesan dari sejarah Sri Lanka yang panjang dan interaksinya dengan pelbagai bangsa telah menyebabkan wujudnya pelbagai masyarakat di Sri Lanka hingga menjadikannya sebagai sebuah negara yang mempunyai berbilang bangsa, keturunan dan agama. Kepelbagaian ini menjadikan negara tersebut sebagai sebuah negara bermasyarakat majmuk (*plural society*).

Umumnya, majoriti penduduk Sri Lanka adalah orang Sinhala diikuti Tamil Sri Lanka, Islam Sri Lanka, Tamil India, Melayu, Burghers dan lain-lain.² Bangsa Sinhala bertumpu di bahagian selatan dan barat Sri Lanka, sementara Tamil pula di bahagian utara dan timur pulau tersebut.³ Bahagian utara dan timur Sri Lanka dikatakan sebagai '*traditional homeland*' oleh masyarakat Tamil dan menjadi wilayah yang dituntut oleh gerakan pemisahan Tamil kemudiannya.⁴ Masyarakat etnik Tamil merupakan majoriti di empat wilayah di bahagian utara Sri Lanka iaitu Jaffna, Mannar, Vanuviya dan

Mullaitivu. Mereka juga menjadi majoriti di Batticalao di bahagian timur Sri Lanka dan jumlah yang besar di Trincomalee dan Amparai.⁵ Berdasarkan kepada sejarah dan budaya, masyarakat Sinhala melihat bahawa Sri Lanka sebagai tanah orang Sinhala dan agama Buddha sebagai agama negara tersebut. Mereka juga melihat Sri Lanka sebagai, "*A Buddhist nation of Sinhala-speaking people of the Aryan race*".⁶

Kajian ini dilakukan untuk melihat sejarah hubungan etnik di Sri Lanka dengan perhatian khusus kepada kebangkitan gerakan pemisahan masyarakat Tamil. Dalam hal ini, antara persoalan penting yang cuba dilihat adalah sejarah hubungan etnik sejak zaman kolonial dengan perhatian kepada isu-isu komunal zaman tersebut dan permulaan kebangkitan gerakan pemisahan Tamil dengan penelitian kepada kebangkitan LTTE (Liberation Tigers of Tamil Eelam) dan akhirnya usaha-usaha ke arah penyelesaian konflik.

Hubungan Etnik Di Sri Lanka Pada Zaman Penjajahan

Dalam keadaan Sri Lanka sebagai sebuah negara 'masyarakat majmuk', maka persoalan yang berkaitan dengan aspek perkauman pastinya akan menjadi hal penting. Ia seharusnya ditangani dengan bijaksana oleh pemimpin-pemimpin Sri Lanka pasca-kemerdekaan. Namun begitu, sejak mencapai kemerdekaan pada 4 Februari 1948, negara ini telah melalui kancah pertikaian komunal yang hebat terutamanya membabitkan etnik Sinhala-Tamil. Dalam melihat hubungan majoriti- minoriti ini, umumnya golongan minoriti akan menerima tekanan dan diskriminasi dari golongan majoriti hingga menyebabkan mereka terpaksa mencari jalan keluar agar kedudukan mereka di sesebuah negara itu tidak terancam. Mereka akan berusaha untuk mengekalkan identiti mereka sama ada melalui perkongsian kuasa dengan golongan majoriti atau berasimilasi dengan golongan majoriti hingga serba sedikit menghilangkan identiti mereka⁷ atau melalui satu langkah yang lebih radikal iaitu untuk memisahkan diri dengan golongan majoriti dan membentuk sebuah entiti yang berasingan.

Permasalahan antara Sinhala-Tamil ini berlaku sejak zaman kolonial lagi termasuklah berkaitan dengan isu-isu seperti perwakilan dalam kerajaan, bahasa, agama, pembahagian tanah serta perasaan diskriminasi dalam pekerjaan, pendidikan dan kemasukan ke universiti⁸ termasuklah kesukaran untuk 'berkomunikasi' dengan pegawai-pegawai kerajaan yang terdiri daripada etnik Sinhala.⁹ Namun demikian, Bryan Pfaffenberger dalam melihat konflik di Sri Lanka serta gerakan pemisahan turut mengaitkan bahawa konflik ini muncul kerana kebangkitan etnik Tamil daripada kasta Vellalar iaitu kasta yang sejak sekian lama mendominasi ekonomi, sosial dan politik wilayah Jaffna. Kesan daripada dasar-dasar kerajaan yang majoritinya

terdiri daripada orang Sinhala telah menyebabkan kelas Vellalar ini serba sedikit kehilangan kedudukan mereka. Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya Jaffna menjadi kubu kuat kepada gerakan pemisah ini. Hal ini berbeza dengan wilayah lain yang mendominasi Vellalar adalah minima. Misalnya di bahagian timur, kasta Mukkuvar yang dikatakan lebih terbuka berbanding Vellalar yang disifatkan lebih "*religious conservatism*". Kelas Vellalar ingin menunjukkan kepada etnik Tamil Sri Lanka bahawa merekalah pelindung sebenar kepada masyarakat Tamil keseluruhannya sementara masyarakat Tamil yang lain termasuklah Mukkuvar di bahagian timur, Tamil muslim serta Tamil India dianggap sebagai, "*less diligent than Jaffna Tamils in keeping up the ancient ways, and on this account Jaffna folk rank them lower and refuse to marry them*".¹⁰

Dalam zaman penjajahan British, masyarakat dikenali berdasarkan pembahagian yang dilakukan oleh British. Masyarakat keturunan Tamil yang sejak sekian lama menguasai wilayah-wilayah di pesisiran pantai Sri Lanka di bahagian utara dan timur terus hidup dalam pengasingan dan kekal dengan identiti mereka. A. Jayaratnam Wilson mengatakan bahawa "*The Tamils did not wish to be assimilated, and maintained a group consciousness as a separate community and civilization with their own language, culture and territory, and the Hindu faith as their distinguishing characteristics*".¹¹ Keinginan masyarakat Tamil untuk mengekalkan identiti mereka dilihat tidak mempunyai sebarang masalah selagi Sri Lanka berada di bawah penguasaan British malah dari satu sudut, pihak British sendiri menggalakkan pengasingan dan pemisahan itu dilakukan kerana pastinya ia lebih mudah untuk mereka mengekalkan kedudukan mereka di Sri Lanka. Galakan British ini dapat dilihat daripada usaha untuk melakukan pemilihan wakil dalam sistem Majlis Perundangan yang diperkenalkan pada 1833 dimana setiap wakil harus datang dari kelompok yang berbeza. Istilah yang digunakan ialah '*communal representation*' dan secara langsung menggalakkan pengasingan antara masyarakat.¹²

Dalam situasi ini, sebagai kelompok majoriti, orang Sinhala merasakan mereka merupakan 'orang Sri Lanka'. Ini kerana mereka menyamakan definisi Sri Lanka sebagai Sinhala. Keadaan ini telah menyebabkan wujudnya keadaan kurang senang di kalangan orang Sinhala terhadap orang lain yang dilihat oleh mereka sebagai 'orang asing'. Orang Sinhala melihat bahawa "*for the Sinhalese, only Sinhalese history can be Ceylonese history, everything else is an invasion and an assault*".¹³ Hal ini pastinya berbeza dengan pandangan yang dipegang oleh golongan minoriti seperti etnik Tamil Sri Lanka yang melihat bahawa mereka juga mempunyai hak yang sama dengan Sinhala. Bagi mereka, Sri Lanka bermakna semua yang hidup di negara pulau tersebut.¹⁴ Perbezaan pandangan ini sedikit sebanyak menjadi asas tercetusnya konflik di Sri Lanka. Malah keengganan orang Tamil

untuk dikategorikan sebagai minoriti turut menjadi punca kepada konflik yang wujud ini. Ini kerana sekiranya mereka menerima status ini maka dibimbangi akan menyebabkan komuniti mereka terkebelakang dalam banyak segi termasuklah dari sudut pembahagian pekerjaan, pendidikan dan seumpamanya.

Pertelingkahan antara Tamil-Sinhala berkembang sejak tarikh itu dan melalui zaman-zaman yang getir mulai 1900. Sebagai golongan majoriti, Sinhala mempunyai wakil yang lebih besar dalam Majlis Perundangan berbanding kelompok yang lain. Perbezaan antara kedua kelompok menjadi semakin besar mulai 1920-an dan mencapai kemuncaknya pada 1930-an. Dalam masa yang sama, sejak 1920-an, masyarakat Tamil Sri Lanka telah melalui satu perubahan kesedaran nasional yang sangat ketara. Mereka mula menubuhkan pelbagai persatuan Tamil, mengadakan persidangan yang membabitkan kalangan terpelajar seperti G. G. Ponnambalam.¹⁵

Dalam melihat kebangkitan nasionalisma Tamil ini, A. Jeyaratnam Wilson telah membahagikannya kepada beberapa fasa. Fasa pertama berlaku antara 1938-1948 yang menjadi era untuk mendapatkan wakil yang seimbang dalam berbagai badan kerajaan. Masyarakat Tamil mendesak agar 50% kerusi perundangan dan eksekutif diberikan kepada minoriti sementara 50% lagi kepada Sinhala. Era antara 1949 hingga 1976 menunjukkan era berperlembagaan dalam perjuangan orang Tamil Sri Lanka untuk mendapatkan hak-hak mereka. Dalam keadaan ini, mereka mendesak agar golongan minoriti diberikan perhatian dalam sistem persekutuan. Walau bagaimanapun, era berperlembagaan ini tidak kekal lama, apabila kalangan masyarakat Tamil melihat bahawa perjuangan dengan cara tersebut tidak memberi banyak kesan hingga akhirnya mereka bergerak secara lebih agresif. Era selepas 1976 dilihat sebagai era ekstremis dalam perjuangan masyarakat Tamil Sri Lanka untuk mendapatkan hak-hak mereka.¹⁶

Pada abad ke-19, meskipun orang Tamil di Sri Lanka telah mempunyai perasaan bahawa mereka merupakan golongan yang berbeza dengan orang Sinhala, namun tidak ada sebarang tindakan politik yang membawa kepada perpecahan dan pemisahan antara mereka. Garis kasar yang ditentukan oleh British telah menjadi sempadan yang memisahkan antara kedua golongan dimana interaksi antara mereka bersifat minima. Persoalan pengekaln identiti oleh orang Tamil masih belum lantang kedengaran, jika ada sekalipun ia lebih bersifat satu bentuk persaingan dengan orang Sinhala untuk mendapatkan pekerjaan dengan perkhidmatan awam serta sektor-sektor komersil.¹⁷ Dalam keadaan ini, kedua-dua kelompok iaitu orang Tamil dan Sinhala masih merasakan bahawa mereka merupakan golongan majoriti sementara golongan lain seperti Muslim, Burgers¹⁸ sebagai minoriti. Orang Tamil hanya menyedari bahawa mereka juga

merupakan kelompok minoriti apabila perangkaan penduduk dikeluarkan pada 1920-an dan ia secara perlahan-lahan mengubah persepsi mereka terhadap Sinhala.¹⁹

Antara pemimpin utama dalam masyarakat Tamil pada abad ke-19 ialah Arumuganathapillai Coomaraswamy Mudiliyar yang menjadi ahli Majlis Perundangan bagi mewakili masyarakat Tamil Sri Lanka pada 1835. Selepas kematiannya, beliau digantikan oleh Simon Casie Chetty pada 1838-1845 dan kemudiannya Mudiliyar Ethirmanasingam antara 1946-1961 dan Muttu Coomaraswamy sejak 1962-1978. Nama-nama di atas bertindak sebagai wakil bagi masyarakat Tamil Sri Lanka, namun begitu atas sifat serta kedudukan mereka sebagai '*Tamil-English educated*' mereka lebih berpihak kepada British. Malahan British telah memberikan anugerah *Sir* kepada Ponnabalam Arunachalam serta Ponnabalam Ramanathan. Selain dari itu perjuangan mereka masih lagi berpegang kepada kepercayaan bahawa kedua-dua komuniti iaitu Tamil dan Sinhala boleh berganding bahu secara bersama-sama as '*equal partners*'. Fahaman sebegini turut dibantu oleh sikap British yang bertindak seolah-olah sebagai 'pendamai' agar tidak timbul sebarang kekacauan membabitkan kedua belah pihak. Walau bagaimanapun, dasar inilah yang sebenarnya, dalam jangka panjang telah menjarakkan hubungan antara kedua-dua kelompok. Oleh yang demikian, tidak hairanlah, sebaik sahaja British beredar dari Sri Lanka, maka konflik etnik membabitkan Sinhala dan Tamil bermula, perlahan dan kecil pada awalnya sebelum ia menjadi lebih besar dan marak pada 1970-an dan tahun-tahun berikutnya.²⁰

Kesedaran terhadap kedudukan etnik Sinhala di Sri Lanka juga sebenarnya berkait rapat dengan gerakan-gerakan yang disebutkan sebagai gerakan Sinhala-Buddha-Aryan seperti yang giat dianjurkan oleh Anagarika Dharmapala. Pada tahap asal gerakan ini lebih memberikan perhatian kepada British dan Kristian. Lama-kelamaan ia menerima wajah politik dan menjadi medium yang sangat berpengaruh di kalangan masyarakat Sinhala. Dharmapala memberikan identiti Buddha-Sinhala sebagai identiti utama kepada masyarakat Sri Lanka sementara penganut Kristian dan non-Sinhala disifatkan sebagai 'orang asing'. Malahan fahaman sebeginilah yang menyebabkan berlakunya pertelingkahan antara Sinhala-Buddha dengan masyarakat Kristian, Islam dan Tamil.²¹ Menarik juga untuk disebutkan pandangan yang dipegang oleh Jatiya Sevaka Sengamaya (JSS) iaitu sebuah parti yang dianggotai oleh etnik Sinhala. Dalam melihat wujudnya sentimen anti-Tamil di kalangan masyarakat Sinhala, JSS berpandangan bahawa masyarakat Tamil masih mempunyai pilihan untuk pergi ke India terutamanya Tamil Nadu sekiranya ada sesuatu yang kurang menyenangkan berlaku terhadap mereka, sementara orang Sinhala tidak mempunyai pilihan tersebut.

Mereka hanya mempunyai Sri Lanka. Pandangan sebegini telah secara langsung menanamkan ideologi politik dan nasionalis di kalangan masyarakat Sinhala.²² Kesan dari kedudukan serta hubungan yang erat antara etnik Tamil Sri Lanka dan India terutamanya wilayah Tamil Nadu telah menyebabkan etnik Tamil Sri Lanka melihat kewujudan mereka sebagai sebahagian daripada sebuah 'kompleks etnik Tamil' yang luas. Dalam hal ini, etnik Sinhala merasakan, "*The Sinhalese are the minority in Dravidastan. We are carrying on a struggle for our national existence against the Dravidastan majority*".²³

Angin perubahan dalam politik masyarakat Tamil Sri Lanka berlaku dengan kemunculan G. G. Ponnambalam. Malah ia dikatakan sebagai "*turning point in the history of Tamil people*".²⁴ Pada tahun 1944, bersama dengan beberapa orang pemimpin lain seperti S. J. V. Chelvanayakam, Dr. E. M. V. Naganathan dan S. Sivasubramaniam, beliau telah menganjurkan All-Ceylon Tamil Congress. Beliau telah berusaha agar pihak British memberikan perhatian kepada pemilihan wakil-wakil dalam Majlis Perundangan agar bersifat 50-50. Tindakan beliau ini telah mendapat sokongan padu dari masyarakat Tamil. Tindakan beliau mengkritik Soulbury Commission²⁵ membolehkan beliau ditanggapi sebagai wira orang Tamil. Beliau secara lantang menegaskan bahawa kedudukan masyarakat Tamil akan terjejas sekiranya wakil yang seimbang tidak dijayakan di Sri Lanka. Walau bagaimanapun kritikan beliau tidak diterima oleh British dan Soulbury Commission diteruskan tanpa mengambil kira bantahan masyarakat Tamil.²⁶

Tempoh antara 1945-1947 menunjukkan perkembangan pesat dalam kesedaran masyarakat Tamil terhadap kedudukan mereka di Sri Lanka. Keadaan ini dikaitkan dengan pengumuman Britain untuk memberikan kemerdekaan kepada Sri Lanka. Sebelum itu, satu pilihanraya akan diadakan bagi menentukan kerajaan Sri Lanka merdeka. G. G. Ponnabalam dan All-Ceylon Tamil Congress (TC) telah mempersiapkan diri untuk menghadapi pilihanraya. Keadaan menjadi tegang apabila UNP yang dipimpin oleh Senanayake turut meletakkan calon-calon dari kalangan etnik Tamil did wilayah utara, namun akhirnya hanya seorang sahaja calon UNP menang di kawasan tersebut.²⁷ Sehingga ke tahap ini, G. G. Ponnabalam dan TC masih menjadi peneraju dalam perkembangan politik masyarakat Tamil Sri Lanka dan masih lagi melihat bahawa kedudukan mereka akan menjadi lebih baik apabila berganding bahu dalam kerajaan yang majoritinya adalah orang Sinhala.²⁸

Hubungan Etnik Pasca Kemerdekaan

Masyarakat Tamil Sri Lanka telah mula memperjuangkan hak-hak mereka melalui persatuan serta pertubuhan politik. Antara pertubuhan politik yang terawal ialah Tamil Congress di bawah G. G. Ponnabalam dan The Tamil Federal Party (FP) yang ditubuhkan pada penghujung 1949-an yang diterajui oleh S. J. V. Chelvanayakam, C. Vanniasingham dan E. M. V. Naganathan.²⁹ Apabila G. G. Ponnabalam mengambil sikap berpihak kepada kerajaan Senanayake, terdapat sebilangan pemimpin Tamil yang melihat hal itu sebagai sesuatu yang tidak wajar dan secara langsung melemahkan kedudukan mereka. Akhirnya mereka membuat keputusan menubuhkan sebuah parti baru iaitu FP. Parti ini merupakan antara parti utama yang tidak mempercayai hubungan baik antara Tamil-Sinhala seperti yang dilakukan oleh TC dan sehingga 1950-an, ia gagal memberikan impak yang besar dalam perjuangan politiknya. Ini kerana sehingga 1956, masyarakat Tamil masih percaya bahawa masa hadapan mereka masih lagi bergantung kepada 'unitary state'. Malahan parti ini gagal untuk mencapai kemenangan dalam pilihanraya 1952.³⁰

Keadaan ini berubah pada 1956 apabila gerakan-gerakan yang dilakukan oleh masyarakat Sinhala dengan '*Sinhala only*'nya telah menyebabkan masyarakat Tamil memberikan sokongan kepada FP. Perubahan ini dapat dilihat apabila parti ini mencapai kejayaan cemerlang pada pilihanraya 1956 dengan menguasai kerusi-kerusi di bahagian yang majoritinya masyarakat Tamil. Menyedari kekuatan mereka telah bertambah maka mereka secara lantang mengkritik dasar-dasar kerajaan yang dilihat tidak memihak kepada masyarakat Tamil seperti tentangannya terhadap '*Official Language Act*' yang juga dikenali sebagai '*the Sinhala Only Act*'. Akta ini dikatakan bukan sahaja membabitkan hal ehwal bahasa tetapi juga membabitkan hal-hal lain termasuklah birokrasi, pentadbiran, undang-undang malah aspek keselamatan dimana pasukan ketenteraan Sri Lanka kini didominasi sepenuhnya oleh orang Sinhala.³¹

Sikap pentadbiran yang dikuasai oleh orang Sinhala juga dilihat tidak memihak kepada orang Tamil apabila beberapa dasar yang diamalkan secara terang-terangan mengenenepikan sensitiviti dan kepentingan masyarakat minoriti tersebut. Ini termasuklah dalam isu meletakkan perkataan Sinhala '*Sri*' di nombor plat bas yang digunakan di kawasan Tamil.³² Dasar ini telah menimbulkan kemarahan orang Tamil. Berikutan itu masyarakat Tamil dengan dipimpin oleh FP telah menjalankan dua kempen anti-Sri di Jaffna dan Batticaloa pada bulan Mac dan April 1958.³³ Akta '*Sinhala Only*' telah diluluskan dan diimplikasikan mulai 1 Januari 1961 dan ia secara langsung menjelaskan bahawa hanya bahasa Sinhala sahaja yang akan menjadi bahasa rasmi dalam segala urusan kerajaan termasuklah di mahkamah. Malahan kerajaan di bawah pimpinan

Bandaranaike juga kemudiannya meluluskan undang-undang untuk menjadikan kesemua sekolah menengah di bawah pentadbiran kerajaan. Hal ini pastinya membimbangkan masyarakat Tamil terutama bagi sekolah-sekolah yang ditadbir oleh pihak persendirian. Pentadbiran kerajaan menyebabkan sekolah-sekolah Tamil akan menerima bantuan kewangan yang kecil. Kesemua dasar-dasar yang dilaksanakan di atas sebenarnya seolah-olah seperti minyak yang dituang di atas api dan menanti masa sahaja untuk menjadi marak. Ketidakprihatinan pihak pemerintah terhadap hal-hal berkaitan dengan masyarakat Tamil serta sensitiviti mereka menyebabkan masyarakat Tamil merasa semakin diketepikan. Perasaan ini diluahkan oleh FP dalam manifesto pilihanraya pada 1964 yang antara lain mengatakan, "*Tamil are a sensitive people with a sense of self-respect that has to be recognized and reckoned with in the political affairs of the island*".³⁴

Berdasarkan sikap yang ditunjukkan oleh pihak kerajaan ini maka pemimpin Tamil terutamanya dalam FP mula melihat kemungkinan-kemungkinan lain bagi menentukan bahawa nasib masyarakat Tamil akan terbelah. Ini termasuklah menuntut agar wilayah majoriti Tamil diberikan kuasa yang lebih atau mungkin memisahkan diri dari kerajaan Sri Lanka dan wujud sebagai sebuah wilayah bebas. Menjelang 1970-an, pemimpin Tamil dilihat mengambil langkah berbeza dari sebelumnya. Terdapat satu peristiwa yang sangat penting iaitu pengenalan dua sistem markah bagi kemasukan pelajar-pelajar ke universiti yang dilihat sangat merugikan pelajar-pelajar Tamil. Dalam mengulas hal ini K.M de Silva menjelaskan;

The qualifying mark for admission to the medical faculties was 250 out of 400 for Tamil students, whereas it was only 229 for Sinhalese. Worse still, this same pattern of a lower qualifying mark applied even when Sinhalese and Tamil students sat for the examination in English. In short, students sitting for the examinations in the same language, but belonging to two ethnic groups, had different qualifying marks.³⁵

Langkah kerajaan ini dilihat bertujuan untuk mengurangkan jumlah pelajar Tamil di kolej dan universiti. Pada tahun 1969, dianggarkan 78.8% pelajar yang diterima memasuki kolej dan universiti dalam bidang kejuruteraan dan perubatan terdiri daripada etnik Tamil. Pada tahun 1974 pula iaitu selepas dasar berkaitan dengan pemarkahan ini diaplikasikan, jumlah pelajar Tamil dalam kejuruteraan hanyalah berjumlah 16.3% sementara dalam bidang perubatan hanyalah 25.9% sahaja.³⁶ Melihat kepada perkembangan ini, FP menjadi lebih keras dan tegas dalam tuntutanannya. Dalam konvensyen ke-12 parti tersebut pada 1973, parti ini telah secara terang-terangan menuntut agar wilayah-wilayah majoriti Tamil dipisahkan. Tindakan

ini sangat berkaitan kemudiannya dengan gerakan-gerakan politik bersifat militan sehingga melahirkan LTTE yang mendominasi perjuangan bersenjata masyarakat Tamil menentang kerajaan Sri Lanka. Pada bulan Mei 1976 pula Tamil United Liberation Front (TULF) telah meluluskan satu resolusi untuk menubuhkan, "...the free, sovereign, secular state of Tamil Eelam to safeguard the very existence of the Tamil nation in this country".³⁷

Sejarah Kemunculan dan Perjuangan Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE)

Kedudukan Liberation Tigers of Tamil Eelam



Sumber: <http://www.reisenett.no/ekstern.html?url=http://www.geocities.com/CapitolHill/Senate/4745/map.html>

Gerakan bersifat militan dan radikal masyarakat Tamil merupakan tahap kedua dalam melihat sejarah konflik antara Sinhala-Tamil di Sri Lanka. Kesan dari tidak puas hati terhadap sikap dan dasar-dasar yang diamalkan oleh pihak kerajaan, maka terdapat kumpulan dalam masyarakat Tamil yang melihat bahawa perjuangan bersifat 'lembut dan berdiplomasi' tidak akan membawa mereka mencapai apa yang mereka inginkan.³⁸

Perubahan sikap ini dilihat bermula menjelang 1970-an. Pada bulan Mei 1972, beberapa kumpulan masyarakat Tamil yang bertemu di Trincomalee telah menubuhkan Tamil United Front (TUF). Pada tahun 1975, TUF telah menukar nama kepada Tamil United Liberation Front (TULF) dan penggunaan perkataan 'Liberation' secara langsung menjelaskan maksud penubuhannya. Dalam masa yang sama, gerakan militan masyarakat Tamil dilihat turut mempunyai kaitan dengan Tamil Students' Federation (TSF) yang ditubuhkan pada 1970 yang kemudian menukar namanya kepada Tamil New Tigers dan pada 1975 dikenali sebagai Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE). Dalam keadaan yang lain, TULF juga mempunyai bahagian militernya sendiri yang dikenali sebagai Tamil Youth Front (TYF) di bawah pimpinan Mavai Senathirajah. Kedua-dua kumpulan iaitu LTTE dan TYF saling bekerjasama dalam gerakan mereka dan melancarkan gerakan-gerakan militer. Mereka melihat penentangan terhadap Sinhala sebagai *punitha yutham* atau 'holy war'.³⁹

Pihak kerajaan juga melakukan beberapa tindakan yang semakin memburukkan keadaan hingga menyebabkan sikap anti-Sinhala semakin menebal di kalangan pemuda-pemuda Tamil. Hal ini dikaitkan dengan peristiwa 'serangan' pasukan polis terhadap sekurang-kurangnya 100,000 orang pemuda Tamil yang menghadiri 4th International Conference of Tamil Research pada 10 Januari 1974 ini. Meskipun tiada kematian dilaporkan, namun jumlah kecederaan adalah besar. Peristiwa kedua adalah pembakaran Perpustakaan Jaffna oleh unit keselamatan pada 1981 yang telah menyebabkan sebanyak 97,000 buku dan manuskrip yang sangat bernilai musnah. Kedaan ini menjadikan masyarakat Tamil melihat bahawa suatu tindakan drastik haruslah diambil.

LTTE menjadi antara kumpulan militan Tamil yang paling berpengaruh. Dalam tahap awal terdapat sekurang-kurangnya 37 buah kumpulan, namun ia tidaklah membawa kesan sebagaimana yang dilakukan oleh LTTE. Kumpulan ini disifatkan sebagai "*most ruthless and solidly nationalistic of the Tamil resistance organizations*".⁴⁰ Robert N. Kearney pula mengatakan, LTTE sebagai "*Structured as an urban guerilla force and committed to a prolonged people's warfare, the Tigers soon emerged as a revolutionary liberation movement with clandestine cells all over the Tamil nation*".⁴¹ LTTE menuntut sebuah negara Eelam diwujudkan di bahagian utara dan timur Sri Lanka.⁴² Kumpulan ini

diketahui oleh Vellupilai Prabhakaran yang sifatkan sebagai *Thesia Thalaivar* atau pemimpin nasional dan menerima sokongan besar dari masyarakat Tamil. Beliau disifatkan seperti seorang Maharaja Tamil yang datang untuk menyelamatkan rakyatnya yang dalam kesengsaraan dan menjanjikan kebebasan dan kebahagiaan.⁴³ Dalam sebuah temuramah dengan akhbar pada 1986 Prabhakaran menjelaskan motif dan objektif LTTE yang antara lain;

"The government of independent Eelam will be socialist government ; there will be only one party supported by the people...our houses became our graves...our villages became cremation grounds. The Sinhalese racist demons slowly take over our ancient land. On our own soil, where we were born and have lived since time immemorial, our people are turned into refugees, into slaves ; they are being destroyed".⁴⁴

LTTE menjadi kumpulan militan yang digeruni terutamanya kerana kemampuan mereka mewujudkan sebuah unit yang dikenali sebagai '*Black Tiger*'. Unit ini menjadikan badan mereka sebagai senjata dan ia turut berkaitan pegangan mereka terhadap *iyirayutham* atau '*life-as-weapon*'. Mereka tidak melihat kematian mereka sebagai *that-kolai* atau membunuh diri sebaliknya sebagai *that-kodai* atau 'sebagai hadiah' kepada perjuangan mereka.⁴⁵

Sikap militan dan radikal juga menjadi pegangan kalangan pemuda Sinhala seperti yang ditunjukkan oleh *Janatha Vimukthi Peramuna (JVP)* yang ditubuhkan pada 1965. Pertubuhan ini dipimpin oleh Rohan Wijeweera dan dalam gerakan-gerakan yang dijalankan lebih bersifat anti-Tamil. Golongan ini melihat bahawa pemuda-pemuda Sinhala semakin ramai yang tidak bekerja kerana ruang-ruang pekerjaan telah diisi oleh etnik Tamil. Antara gerakan yang dijalankan termasuklah memusnahkan ladang-ladang milik etnik Tamil. Malahan suara mereka agak berpengaruh hingga mampu memberi ancaman untuk menjatuhkan kerajaan pimpinan Sirimavo Bandranaike.⁴⁶

Meskipun tekanan komunal telah berlaku di Sri Lanka yang membabitkan etnik Sinhala dan Tamil hingga mencetuskan rusuhan etnik pada tahun 1950-an, namun hanya pada 1970-an sahaja isu komunalisme ini menjadi sangat serius hingga membawa kepada gerakan pemisahan Sri Lanka dengan matlamat untuk menubuhkan sebuah negara Tamil. Gerakan-gerakan politik etnik Tamil dalam tahap awal kemerdekaan hinggalah 1970-an lebih bersifat federalis. Perjuangan mereka lebih kepada menjaga kedudukan etnik Tamil dalam sebuah negara tanpa adanya keinginan untuk memisahkan diri. Apabila merasakan bahawa pelbagai tindakan yang dilakukan oleh kerajaan yang didominasi oleh etnik Sinhala mengikis dan mengancam kedudukan mereka telah menyebabkan mereka menukar arah

perjuangan ke arah pemisahan. Hal ini disemarakkan oleh wujudnya kumpulan-kumpulan militan dan radikal di kalangan etnik Tamil. Robert N. Kearney misalnya mengatakan, "*The claim of Tamil nationhood, when combined with long-festering Tamil grievances and rising tensions between communities, became the basis of the demand for political separation and an independent Tamil state*".⁴⁷ Kumpulan militan dan radikal ini telah mula bertindak termasuklah melakukan serangan secara terbuka kepada etnik Sinhala, serangan ke atas polis, tentera serta ahli-ahli politik. Rompakan dan rampasan harta benda turut berlaku pada penghujung 1970-an dan awal 1980-an.⁴⁸

Kemunculan LTTE dan beberapa kumpulan militan Tamil telah membawa kepada pertempuran secara terbuka dengan pasukan tentera Sri Lanka. Ia secara langsung telah membawa Sri Lanka kepada peperangan yang tidak berpenghujung di negara tersebut. LTTE telah menjadikan Jaffna sebagai kubu kuat mereka. Antara mangsa terawal LTTE ialah Alfred Durayappah iaitu Datuk Bandar wilayah Jaffna yang dibunuh pada 1975. Beliau dibunuh bersama D. K. Rajaratnam ketika berjalan memasuki sebuah kuil di kawasan Vaddukkodai, Jaffna.⁴⁹ Antara 1978-1983, LTTE dilaporkan telah melakukan 265 serangan bom, rompakan dan pelbagai aktiviti jenayah yang lain. Dalam pertentangan komunal yang berlaku pada 1977 pula, seramai 300 orang telah dilaporkan terbunuh.⁵⁰ Keadaan menjadi semakin tidak terkawal pada 1981 dan 1983 apabila seluruh Sri Lanka dilanda pertentangan komunal yang sangat dasyat. Pembabitan LTTE dalam serangan terhadap etnik Sinhala termasuklah pasukan ketenteraan telah membawa sejumlah korban. Misalnya pada tahun 1983, dalam satu serang hendap di Jaffna, LTTE telah menyebabkan 13 orang tentera Sri Lanka terkorban dan hal ini telah menimbulkan reaksi di kalangan etnik Sinhala di seluruh Sri Lanka. Bandar Colombo menyaksikan gerakan memusnahkan etnik Tamil oleh etnik Sinhala dalam apa yang dikatakan sebagai 'progrom' dan perasaan anti-Tamil yang semakin memuncak. Hal ini telah menyebabkan, "*The rift between Tamil and Sinhalese grew wider daily ; friendship became fewer and cross-communal voluntary associations lost their old intercultural vitality*".⁵¹

Serangan dan kekejaman sebenarnya bukan hanya dilakukan oleh etnik Tamil, malah etnik Sinhala turut melakukan perbuatan yang sama, dengan melegitimasikannya sebagai 'satu perbuatan tindak balas' atas kekejaman etnik Tamil. Kekejaman Sinhala dapat dilihat dalam beberapa insiden dan salah satunya telah digelar sebagai '*July 1983 racial holocaust*'. Ketika ini etnik Sinhala telah menyerang orang-orang Tamil. Malah serangan-serangan yang dilakukan oleh orang Sinhala terhadap etnik Tamil didapati sangat sistematik dan tersusun sehingga menimbulkan tanggapan bahawa ia telah dirancang lebih awal. Anita Pratap sewaktu mengulas hal ini mengatakan:

"The Sinhalese mobs seemed to be targeting the economic base of the Tamil community-textile and other factories owned by the Tamils were all completely gutted. Armed with voters' lists, the gangscame in empty trucks in which they carried away the goods looted from Tamil homes...They not only knew where the Tamils lived but seemed to have a list of their belongings as well..."⁵²

Tentera Sri Lanka turut melancarkan gerakan untuk memusnahkan LTTE termasuklah serangan ke atas Jaffna pada 1987 dan 1995. Dalam serangan pada bulan Mei 1987 yang dikenali sebagai 'Operation Liberation', seramai 8000 orang tentera telah berjaya menawan Vadamradchy dalam wilayah Jaffna dan peristiwa inilah yang kemudiannya membawa kemasukan tentera India ke Sri Lanka. Dalam serangan pada 1995 pula, tentera Sri Lanka telah menggunakan senjata-senjata berat di bawah serangan yang dikenali sebagai 'Operation Sunshine' hingga akhirnya berjaya menguasai Jaffna pada Disember 1995. Dalam serangan yang telah dilancarkan sejak bulan Oktober ini, dianggarkan seramai ½ juta penduduk berketurunan Tamil menjadi pelarian. Siri peperangan membabitkan tentera kerajaan dengan LTTE dan kumpulan militan Tamil berterusan pada 1996. LTTE terus menjadi antara kumpulan yang aktif melancarkan serangan ke atas kepentingan kerajaan.

Pada bulan Julai 1996, serangan yang dilakukan di Jaffna telah menyebabkan sekurang-kurangnya 1500 orang terkorban atau hilang. Keadaan menjadi semakin buruk apabila tidak lama kemudian LTTE telah memasang bom dalam keretapi di Colombo hingga membawa sejumlah kematian.⁵³ Dalam operasi yang dilakukan pada bulan Disember 1996, tentera kerajaan telah mampu menguasai Jaffna dan ia dikatakan menjadi satu penanda penting kepada kedudukan LTTE. Ini kerana kejayaan itu telah secara langsung memadam tanggapan umum yang mengatakan LTTE tidak boleh ditewaskan. Kalangan etnik Sinhala pula melihat bahawa peristiwa ini akan membawa berakhirnya peperangan dan konflik komunal di negara tersebut.⁵⁴ Sehingga 1999, dianggarkan 38,000 orang telah terkorban dalam konflik di Sri Lanka ini.⁵⁵

Usaha Ke Arah Penyelesaian

Pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan peperangan dan konflik yang membabitkan masyarakat Sinhala dan Tamil terhenti termasuklah mengadakan gencatan senjata, perundingan malah meminta bantuan dari peringkat antarabangsa termasuklah kerjasama dengan negara luar seperti India. Apabila konflik di Sri Lanka

berterusan dan menjadi semakin buruk, India telah memainkan peranan penting untuk meredakan keadaan. Beberapa pertemuan antara pegawai-pegawai tertinggi kedua-dua negara telah dilaksanakan malah pada bulan November 1983 Perdana Menteri India, Indira Gandhi telah membuat pertemuan khusus untuk membincangkan isu Sri Lanka dengan Presiden Jayewardene. Dalam masa yang sama, pada 13 Julai 1985, kerajaan Sri Lanka telah mengadakan pertemuan dengan TULF dan pemimpin-pemimpin kumpulan militan Tamil di Thimpu, Bhutan. TULF dan kumpulan militan bertegas untuk mewujudkan sebuah negara Eelam dan menolak cadangan kerajaan untuk memberikan "*district councils that could amalgamate by referendum into provincial council*".⁵⁶ Kegagalan ini membawa kepada Thimpu II yang dijadualkan pada 16 Ogos 1985, namun telah ditangguhkan apabila berlaku serangan tentera kerajaan terhadap wilayah Vavuniya hingga menyebabkan 200 orang Tamil terbunuh.⁵⁷

India, selaku negara jiran Sri Lanka yang paling hampir dan mempunyai kaitan dengan masyarakat Tamil di Sri Lanka, termasuk adanya ikatan sejarah telah memberi perhatian yang serius terhadap permasalahan komunal yang berlaku. Dalam keadaan ini, Sri Lanka pula melihat India dengan keadaan penuh curiga dan berhati-hati. Malahan sering sahaja dilontarkan pandangan betapa kemampuan LTTE dan kumpulan-kumpulan militan Tamil untuk menjadi kuat adalah kerana bantuan dan sokongan yang diberikan oleh India sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sri Lanka juga menuduh India memberikan perlindungan, latihan ketenteraan dan bantuan kewangan kepada kumpulan-kumpulan ini.⁵⁸ Keadaan ini telah menyebabkan Sri Lanka kemudiannya cuba menjalin hubungan yang lebih erat dengan negara-negara seperti Pakistan dan China yang pastinya merisaukan India. Dalam keadaan inilah, India mula memainkan peranan yang lebih aktif di Sri Lanka. Perdana Menteri India, Indira Gandhi mula melihat secara lebih serius konflik komunal di negara kepulauan tersebut.

Pembabitan India dalam konflik di Sri Lanka yang terhenti seketika dengan kematian Indira Gandhi telah disambung semula oleh Rajiv Gandhi. Pada 29 Julai 1987, Rajiv Gandhi dan J. Jayewardene telah menandatangani perjanjian bagi mengakhiri masalah di Sri Lanka. Perjanjian antara kedua belah pihak antara lain akan menyaksikan pembabitan pihak India dalam masalah di Sri Lanka.⁵⁹ Tentera-tentera India akan ditempatkan di Sri Lanka dan akan menjadi orang tengah dalam usaha mendamaikan kumpulan-kumpulan militan dan radikal terutamanya LTTE. Namun demikian, perjanjian antara kedua buah negara ini tidak diterima oleh LTTE dan beberapa kumpulan dalam masyarakat Sinhala hingga ia menjadikan keadaan semakin buruk.

Kehadiran tentera India (IPKF) ke Sri Lanka yang diharapkan membawa sinar baru kepada konflik di negara tersebut menemui kegagalan. Hal ini berlaku apabila IPKF kini bertempur pula dengan LTTE. Hal ini berikutan beberapa dasar IPKF yang tidak disenangi oleh LTTE termasuklah dalam soal penyerahan senjata dan usaha melarang nelayan-nelayan Tamil untuk menangkap ikan di kawasan-kawasan tertentu yang dilakukan semata-mata bagi menghalang sebarang usaha penyeludupan senjata dilakukan. Kehadiran IPKF, yang pada awalnya dilihat sebagai satu kemenangan moral oleh LTTE dan etnik Tamil, berubah menjadi masalah besar apabila tindakan tentera India tidak disenangi oleh mereka dipandang serong oleh masyarakat Tamil Sri Lanka malahan mereka kini mula melihat bahawa mereka kini tidak boleh bergantung kepada IPKF. Tindakan IPKF yang disifatkan sebagai *'improper and unacceptable behaviour of the Indian Peacekeepers...'* telah menyebabkan mereka tidak lagi dilihat sebagai sahabat oleh masyarakat Tamil Sri Lanka.⁶⁰

"The Indian army suspected all villagers to be Tiger sympathizers and treated them harshly. The result was that even those who had nothing to do with the Tigers, those who actually disapproved of the Tigers, began secretly supporting them. They and their homeland were better off without the Indian soldiers..."⁶¹

Secara umumnya, tugas utama yang disandarkan kepada IPKF adalah untuk mengelakkan agar kedua belah pihak yang berkonflik iaitu tentera Sri Lanka dan LTTE bertempur dan membebaskan Jaffna daripada 'bobby traps'. Namun begitu, IPKF gagal dalam kedua-dua misi ini malah pertempuran dengan LTTE telah menyebabkan sejumlah korban dipihak IPKF. Dalam masa yang sama kerajaan Jeyawardene turut bergoncang apabila menerima tekanan daripada parti pembangkang yang menuduh bahawa kerajaan gagal untuk melindungi etnik Sinhala. Hal ini berkaitan dengan pengeboman yang berlaku di Colombo pada bulan April 1987 yang menyebabkan 100 orang terbunuh.⁶² Keadaan ini juga telah menyebabkan kalangan radikal dalam etnik Sinhala terutamanya Janata Vimukhti Peramuna (JVP) mula menjalankan berbagai aktiviti yang disifatkan sebagai anti-Tamil dan mampu mengeruhkan lagi keadaan. Oleh yang demikian, kerajaan telah bertindak dengan menutup 9 buah universiti dan menangkap sekurang-kurangnya 500 anggota JVP.⁶³ Sehingga 1988, dilaporkan seramai 900 orang IPKF telah terbunuh dan sehingga misi tersebut berakhir pada 1990, seramai 1,155 orang tentera terkorban dan sejumlah 300 crores (juta) telah dibelanjakan. Kegagalan IPKF ini dilihat berkaitan dengan kegagalan mereka memahami kekuatan LTTE serta sikap memandang rendah keupayaan pasukan itu.⁶⁴

Kerajaan Sri Lanka juga berusaha untuk menyelesaikan masalah yang timbul ini melalui rundingan dan diplomasi dengan kumpulan militan. Perdana Menteri Sri Lanka Chandrika Bandaranaike Kumaratunga pada bulan Februari 1996 telah berusaha untuk melahirkan satu perubahan dalam perundangan apabila draf tersebut disebutkan dalam parlimen. Draf ini mencadangkan bahawa Sri Lanka akan diubah daripada sebuah kerajaan pusat yang mempunyai kuasa penuh terhadap pentadbiran kepada *'an indissoluble 'union of regions' in which substantial responsibility will devolve to local authorities'*.⁶⁵ Perubahan ini dilakukan semata-mata bagi memenuhi tuntutan aspirasi etnik Tamil dan secara langsung sebagai usaha memadamkan gerakan pemisahan untuk mewujudkan Eelam.

Kesimpulan

Konfrontasi berbentuk pertentangan etnik di Sri Lanka yang membabitkan etnik Sinhala dan Tamil kelihatan mula muncul pada dekad pertama selepas kemerdekaan dicapai. Setiap kumpulan etnik sama ada secara langsung atau tidak telah berusaha untuk mengekalkan identiti etnik masing-masing. Aspirasi kolektif etnik Sinhala bagi menentukan kedudukan mereka sebagai masyarakat majoriti di Sri Lanka yang telah mengalami penindasan sewaktu berada di bawah penjajahan British bertembung dengan aspirasi etnik Tamil yang ingin mengekalkan dan melindungi komuniti mereka daripada dominasi dan kemungkinan tekanan daripada golongan majoriti. Keadaan menjadi semakin sukar apabila muncul kumpulan-kumpulan militan dan radikal dalam etnik masing-masing. Kumpulan militan dan radikal dari etnik Sinhala akan melakukan serangan terhadap etnik Tamil dan sebaliknya, hingga menyebabkan ketenteraman sukar diperolehi. Hal ini dapat dilihat berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh JVP terutamanya pada 1987. Pertubuhan ini turut menjalankan taktik yang diamalkan oleh LTTE termasuklah membunuh pemimpin-pemimpin politik. Seramai 50 aktivis UNP dikatakan telah dibunuh oleh pertubuhan ini.⁶⁶

Permasalahan di Sri Lanka masih tidak selesai meskipun membabitkan pihak luar, misalnya India. Malahan kegagalan IPKF untuk 'membersihkan' LTTE telah membolehkan kumpulan militan ini kembali menguatkan kedudukan mereka kemudiannya. Lebih jelas lagi, LTTE kini menggunakan skuad berani mati mereka untuk memburu dan membunuh pihak-pihak yang dikatakan menghalang usaha mereka untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Hal inilah yang telah dilakukan terhadap Rajiv Gandhi apabila salah seorang pengebom berani matinya telah melakukan tindakan nekad hingga membawa kematian pemimpin India tersebut.⁶⁷ Sebelum itu,

Menteri Pertahanan Sri Lanka, Rajan Wikeratre juga menjadi korban apabila terbunuh dalam letupan bom. Pada 1993, Presiden Premadesa dan pemimpin UNP, Lalith Athulathmudali juga telah dibunuh oleh LTTE.

Berdasarkan perbincangan di atas jelaslah bahawa konflik komunal yang berlaku di Sri Lanka membabitkan etnik Sinhala dan Tamil merupakan perkembangan pasca-kemerdekaan. Oleh kerana kegagalan pemimpin kedua belah pihak untuk saling berkompromi dan mencapai kata sepakat telah menyebabkan perbezaan antara kedua kumpulan etnik menjadi isu yang sangat besar. Hal ini ditambah pula dengan kewujudan kumpulan-kumpulan militan dan radikal daripada etnik Sinhala dan Tamil hingga menyebabkan pertikaian bersifat komunal menjadi isu nasional. Kegagalan kerajaan untuk mengawal kemunculan kumpulan-kumpulan militan dan radikal ini telah membawa kepada pertempuran antara kumpulan ini dengan pihak tentera. Kegagalan tentera menyelesaikan segera masalah itu juga menyebabkan kumpulan militan menjadi semakin besar dan hasilnya pelbagai bentuk serangan dan keganasan dilakukan sama ada kepada pihak keselamatan mahupun orang awam. Kehadiran tentera India yang pada asalnya bertindak sebagai pasukan pengaman namun kemudian menjadi musuh LTTE juga tidak menyelesaikan masalah. Menjelang abad ke 21, konflik di Sri Lanka memasuki fasa baru apabila pelbagai rundingan antara pasukan militan dan radikal terutamanya LTTE dan kerajaan Sri Lanka dilakukan dengan negara Sweden menjadi orang tengahnya. Pada tahun 2002, satu rundingan dengan matlamat yang sama iaitu menamatkan pertikaian di Sri Lanka juga telah diadakan di Thailand.

LAMPIRAN 1

Penduduk Sri Lanka Berdasarkan Agama, (000)

Agama	1881	1891	1901	1911	1921	1931(1)	1946	1953	1963	1971	1981
Buddha	1698.1	1877.0	2141.4	2474.2	2769.8	3266.6	4294.9	5209.4	7003.3	8536.8	10288.3
Hindu	593.6	615.9	826.8	938.3	982.1	1166.9	1320.4	1610.5	1958.4	2238.6	2297.8
Muslim	197.8	212	246.1	283.6	302.5	354.2	436.6	541.5	724.0	901.7	1121.7
Kristian	268.0	302.1	349.2	409.2	443.4	518.1	603.2	724.4	884.9	1004.3	1130.6
Lain-lain	2.3	0.7	2.4	1.1	0.8	1.0	2.3	11.9	11.4	8.2	8.3
Jumlah	2759.8	3007.7	3565.9	4106.4	4497.9	5306.8	6657.4	8097.7	10582.0	12689.6	14846.7

Perangkaan Jumlah Penduduk berdasarkan Agama antara 1881 - 1981 di Sri Lanka.

Sumber: http://www.ices.lk/sl_database/ethnic_groups.shtml#1

Kumpulan Etnik Utama Berdasarkan Kawasan (Perangkaan 1981)

Wilayah	Sinhala	Sri Lankan Tamil	Indian Tamil	Sri Lankan Islam	Burgher	Melayu	Lain-lain
Barat	3,321,830	228,516	59,402	238,728	28,542	31,670	11,119
Tengah	1,318,530	149,819	380,826	146,937	3,090	4,465	5,581
Selatan	1,789,914	14,454	25,215	46,699	575	4,710	1,094
Utara	35,128	957,247	63,759	50,831	539	160	1,740
Timur	243,701	399,299	10,857	315,436	4,158	1,045	755
Timur Laut	1,532,979	47,202	8,905	109,791	1,002	2,213	2,242
Utara-tengah	774,799	13,293	843	50,413	287	447	1,410
Uva	696,596	42,866	138,357	31,912	683	1,612	2,496
Sabara-gamuwa	1,266,091	34,168	130,492	48,180	498	641	1,961
Jumlah	10,979,568	1,886,864	818,656	1,038,927	39,374	46,963	28,398

Sumber: http://www.ices.lk/sl_database/ethnic_groups.shtml#1

Nota

- ¹ Kewujudan Adam's Peak dipercayai oleh sebahagian orang Islam dan Kristian sebagai tapak dimana Adam iaitu Nabi yang pertama diturunkan sebaik sahaja 'diusir' dari syurga. "Muslims and Christians in Sri Lanka ascribe it to where Adam, the first Ancestor, set foot as he was exiled from the Garden of Eden", lihat [http://en.wikipedia.org/wiki/Sri Pada](http://en.wikipedia.org/wiki/Sri_Pada), 8.8.2007, 10.55 a.m
- ² Orang Burghers turut dikenali sebagai Eurasian iaitu mereka yang berketurunan Eropah sama ada Portugis, Belanda mahupun British. Berdasarkan perangkaan 1981, jumlah mereka di Sri Lanka ialah 39,374 orang. Mereka bertumpu di Colombo dan Gampaha. Berdasarkan perundangan, kedudukan serta taraf mereka telah ditetapkan melalui Undang-Undang 1883 yang menjelaskan bahawa, "It was decided that in order to be defined as a Burgher, one's father had to have been born in Sri Lanka, with at least one European ancestor on one's direct paternal side, regardless of the ethnic origin of one's mother, or what other ethnic groups may be found on the father's side". Lihat [http://en.wikipedia.org/wiki/Burgher people](http://en.wikipedia.org/wiki/Burgher_people). 8.7.2007, 1.14 pm. Lihat juga Lampiran I.
- ³ Rajmohan Gandhi, *Revenge & Reconciliation: Understanding South Asian History*, New Delhi: Penguin Books, 1999, hlm. 306.
- ⁴ Ralph R. Premdas and S.W.R. de A. Samarasinghe, "Sri Lanka's Ethnic Conflict. The Indo-Lanka Peace Accord", *Asian Survey*, Vol. XXVIII, No. 6, June 1988, hlm. 679.
- ⁵ Jumlah etnik Tamil di Jaffna mengikut perangkaan 1981 ialah 95.3%, Mannar 50.6%, Vavuniya 56.9%, Mullaitivu 76.0%, Batticalao 70.8%, Amparai 20.1% dan Trincomalle 33.8%. Lihat Robert N. Kearney, "Ethnic Conflict and the Tamil Separatist Movement in Sri Lanka", *Asian Survey*, Vol. XXV, No 9, September 1985, hlm. 900.
- ⁶ Rajmohan Gandhi, *Revenge & Reconciliation*, hlm. 307.
- ⁷ Hal ini dapat dilihat dalam kes orang Cina di Filipina, Thailand dan Indonesia di mana mereka telah 'berasimilasi' dengan golongan majoriti, misalnya etnik Cina di Indonesia tidak menggunakan nama Cina, sebaliknya menggunakan nama yang 'bersifat Indonesia'. Hal yang sama juga berlaku terhadap etnik Cina di Thailand.
- ⁸ Ralph R. Premdas and S.W.R. A. Samarasinghe, "Sri Lanka's Ethnic Conflict", hlm. 682.
- ⁹ Bryan Pfaffenberger, "The Cultural Dimension of Tamil Separatism in Sri Lanka", *Asian Survey*, Vol. XXI, No. 11, November 1981, hlm. 1147.
- ¹⁰ *Ibid.*, hlm. 1150.
- ¹¹ *Ibid.*, hlm. 1
- ¹² *Ibid.*

- ¹³ A Jeyaratnam Wilson, *Sri Lanka Tamil Nationalism: Its Origins and Development in the 19th and 20th Centuries*, New Delhi: Penguin Books, 2001, hlm. 13. Meskipun buku ini dilihat sangat pro-Tamil Sri Lanka terutama kerana tidak melihat permasalahan dari sudut kerajaan dan masyarakat Sinhala, namun ia menjadi sumber yang sangat baik untuk melihat kemunculan nasionalisma Tamil Sri Lanka serta kemunculan pasukan militan dalam masyarakat tersebut.
- ¹⁴ Malahan dalam keadaan ini, orang Tamil Sri Lanka turut menjadikan sejarah sebagai asas tuntutan mereka dengan mengatakan bahawa orang Tamil telahpun wujud di Sri Lanka sejak zaman sebelum masihi lagi. Lihat Ibid, hlm. 14.
- ¹⁵ Ibid.
- ¹⁶ Ibid., hlm. 11.
- ¹⁷ Ibid., hlm. 42.
- ¹⁸ Lihat nota kaki 2.
- ¹⁹ A Jeyaratnam Wilson, *Sri Lanka Tamil Nationalism: Its Origins and Development in the 19th and 20th Centuries*, hlm. 13-14
- ²⁰ Ibid., hlm. 13.
- ²¹ Rajmohan Gandhi, *Revenge & Reconciliation*, hlm. 308.
- ²² Ibid., hlm. 313.
- ²³ Sri Lanka, House of Representantive, Parliamentary Debates (Hansard), Vol. 48, col. 1313, September 3, 1962, dipetik dalam Robert N. Kearney, "Ethnic Conflict and the Tamil Separatist Movement in Sri Lanka", *Asian Survey*, Vol. XXV, No 9, September 1985, hlm. 903.
- ²⁴ K.M de Silva, *Managing Ethnic Tensions in Multi-Ethnic Societies: Sri Lanka, 1880-1985* dipetik dalam A. Jeyaratnam Wilson, *Sri Lanka Tamil Nationalism*, hlm. 66.
- ²⁵ "Soulbury commission sent by the British government to Ceylon (now Sri Lanka) in 1944 to examine a constitutional draft prepared by the Ceylonese ministers of government and, on the basis of it, to make recommendations for a new constitution". Lihat <http://www.britannica.com/eb/article-9001290/Soulbury-Commission>. 7.8.2007. 2 p.m Lord Soulbury yang kemudiannya dikenali sebagai Baron dan Viscount. Nama sebenar beliau ialah Herwald Ramsbotham sebagai Gabnor-Jeneral Sri Lanka antara 1949-1954. Beliau telah meninggal dunia pada 1971 ketika berusia 81 tahun dan terus dikenang sebagai orang yang bertanggung jawab menentukan nasib Sri Lanka, malah dilihat sebagai punca konflik. Lihat http://en.wikipedia.org/wiki/Herwald_Ramsbotham,_1st_Viscount_Soulbury. 7.8.2007. 3.15 p.m
- ²⁶ K.M de Silva, *Managing Ethnic Tensions in Multi-Ethnic Societies: Sri Lanka, 1880-1985* dipetik dalam A. Jeyaratnam Wilson, *Sri Lanka Tamil Nationalism*, hlm. 74.
- ²⁷ Ibid., hlm. 77.
- ²⁸ Ibid.

- ²⁹ Parti FP ini mempunyai empat matlamat utama iaitu, "(i) Federal Union of Ceylon, comprising the two Tamil-speaking Northern and Eastern Provinces, along with the remaining seven Sinhalese provinces (ii) All state-aided colonization by Sinhalese of the two Tamil-speaking provinces was to end (iii) The unity of the all the Tamil-speaking peoples of Ceylon in particular the Ceylon Tamils, the Tamil-speaking Muslims of the two provinces and the Indian Tamil plantation workers of the hill country and (iv) Sinhala and Tamil were to be recognized on an equal footing as the languages of the state". Ibid., hlm. 82.
- ³⁰ Ibid.
- ³¹ Ibid., hlm. 164.
- ³² Perkataan Sri berasal dari bahasa Sanskrit yang bermaksud "*splendor or, majest*" Lihat <http://education.yahoo.com/reference/dictionary/entry/Sri.9.8.2007.11.15.a.m> Penggunaan nama Sri Lanka yang diambil dari bahasa Sanskrit digunakan pada 1972 yang bermaksud "resplendent land" yang menggambarkan hubungannya dengan sejarah silam Sri Lanka. Dalam Ramayana, pulau ini dikenali sebagai Lanka. Ini bermakna penggunaan istilah Sri mempunyai konotasi etnik. Lihat http://en.wikipedia.org/wiki/Names_of_Sri_Lanka. 9.8.2007, 11.20 am.
- ³³ Lihat A. Jeyaratnam Wilson. 2001. *Sri Lanka Tamil Nationalism*, hlm. 88. Sebagai balasannya pula beberapa kempen meletakkan perkataan Sri telah dilakukan oleh orang Sinhala terutamanya di Colombo apabila mereka menggunakan cat menuliskan perkataan Sri di rumah-rumah yang dihuni oleh penduduk Tamil. Hal ini kemudiannya dilihat sebagai penanda identiti hingga memudahkan program atau 'membinasakan' penduduk Tamil kemudiannya dilakukan secara lebih berkesan seperti yang berlaku pada bulan Mei 1958.
- ³⁴ Ibid., hlm. 98.
- ³⁵ Ibid., hlm. 102.
- ³⁶ Rajmohan Gandhi, *Revenge & Reconciliation*, hlm. 313.
- ³⁷ Bryan Pffaffenberger, "The Cultural Dimension of Tamil Separatism in Sri Lanka", hlm. 1147.
- ³⁸ Ibid., hlm. 1146.
- ³⁹ A. Jeyaratnam Wilson, *Sri Lanka Tamil Nationalism*, hlm. 125.
- ⁴⁰ Ibid., hlm. 131.
- ⁴¹ Robert N. Kearney, "Ethnic Conflict and the Tamil Separatist Movement in Sri Lanka", hlm. 906.
- ⁴² Sugata Bose and Ayesha Jalal, *Modern South Asian History Culture, Political Economy*, London: Routledge, 1999, hlm. 226.
- ⁴³ A. Jeyaratnam Wilson, *Sri Lanka Tamil Nationalism*, hlm. 159.
- ⁴⁴ Ibid., hlm. 132.
- ⁴⁵ Ibid., hlm. 164.
- ⁴⁶ Rajmohan Gandhi, *Revenge & Reconciliation*, hlm. 314.
- ⁴⁷ Robert N. Kearney, "Ethnic Conflict and the Tamil Separatist Movement in Sri Lanka", hlm. 904.

- ⁴⁸ Ibid., hlm. 906.
- ⁴⁹ Lihat Daily News, "Masked Gunmen Kill Jaffna Mayor", 28.7.1975 dalam *LTTE in the Eyes of the World*, Colombo: Ministry of Foreign Affairs.
- ⁵⁰ Robert N. Kearney, "Ethnic Conflict and the Tamil Separatist Movement in Sri Lanka", hlm. 906.
- ⁵¹ Ralph R. Premadas and S. W. R de A. Semerasinghe, "Sri Lanka's Ethnic Conflict", hlm. 677.
- ⁵² Anita Pratap, *Island of Blood*, New Delhi: Viking, 2001, hlm. 53.
- ⁵³ Howard B. Schaffer, "Sri Lanka in 1996. Promise and Disappointment", *Asian Survey*, Vol. XXXVII, No. 2, February 1997, hlm. 144.
- ⁵⁴ Ibid., hlm. 143-144.
- ⁵⁵ Rajmohan Gandhi, *Revenge & Reconciliation*, hlm. 312.
- ⁵⁶ A. Jeyaratnam Wilson, *Sri Lanka Tamil Nationalism*, hlm. 145.
- ⁵⁷ Ibid.
- ⁵⁸ Robert N. Kearney, "Ethnic Conflict and the Tamil Separatist Movement in Sri Lanka", hlm. 909.
- ⁵⁹ Hubungan antara kedua buah negara ini berasal daripada serangan yang dilakukan oleh tentera Sri Lanka terhadap wilayah Jaffna yang menyebabkan etnik Tamil menjadi pelarian serta kekurangan makanan. Hal ini menyebabkan India bertindak menghantar kapal-kapal bantuan makanan dan ubatan ke Sri Lanka namun tidak dibenarkan memasuki perairan negara tersebut oleh tentera laut Sri Lanka. Perasaan anti-India mula kedengaran di Colombo. Dalam masa yang sama kumpulan militan Tamil telah membunuh 29 sami Buddha hingga menyebabkan keadaan semakin tidak terkawal. Rajiv Gandhi kemudiannya membuat keputusan menghantar bantuan makanan dan ubatan ke Sri Lanka dengan menggunakan kapal terbang yang diiringi oleh empat jet pejuang yang secara langsung memasuki ruang udara Sri Lanka tanpa kebenaran. Pada 29hb Julai 1987, perjanjian antara kedua negara telah ditandatangani. Lihat Bryan Pfaffenberger, "Sri Lanka in 1987. Indian Intervention and Resurgence of the JVP", *Asian Survey*, Vol. XXVIII, No. 9, February 1988, hlm. 141.
- ⁶⁰ A. Jeyaratnam Wilson, *Sri Lanka Tamil Nationalism*, hlm. 155.
- ⁶¹ Anita Pratap, *Island of Blood*, hlm. 28.
- ⁶² Bryan Pfaffenberger, "Sri Lanka in 1987", hlm. 138.
- ⁶³ Ibid., hlm. 139. Bagi perbincangan mengenai JVP lihat juga James Manor and Gerald Segal, "Causes of Conflict. Sri Lanka and Indian Ocean Strategy", *Asian Survey*, Vol. XXV, No. 12, December 1985, hlm. 1167-1174.
- ⁶⁴ Pada tahap awal kedatangannya, IPKF dikatakan mampu menyelesaikan masalah di Sri Lanka hanya dalam tempoh tiga hari sahaja. Sikap sebeginilah yang menyebabkan IPKF mengalami kegagalan yang besar di Sri Lanka. Lihat Ved Mehta, *Uncivil War. Pathology of Terrorism in India*, New Delhi: HarperCollins, 1997, hlm. 335.

- ⁶⁵ Howard B. Schaffer, "Sri Lanka in 1996", hlm. 145. Namun demikian cadangan ini telah menerima kritikan daripada pembangkang dan kalangan pro-Buddha.
- ⁶⁶ Bryan Pfaffenberger, "Sri Lanka in 1987", hlm. 139.
- ⁶⁷ Rajmohan Gandhi, *Revenge & Reconciliation*, hlm. 317.